

ANTARA PERTUBUHAN YANG TERLIBAT

Asrit diusahakan Simply Islam; Mex



ENCIK MOHAMED NASSIR ABDUL SUKKUR: Ketua Projek Asrit.

16 Dec 2014

Berita Harian

PROJEK Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) merupakan inisiatif yang dilancarkan di Singapura setahun lalu untuk membantu mangsa pergolakan di Syria.

Asrit diterajui pusat pendidikan setempat Simply Islam dan Rangkaian Ekspatriat Muslim (MEX), sebuah divisyen Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Projek tersebut turut meraih sokongan daripada pelbagai badan Melayu/Islam lain, termasuk Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) dan Persatuan Ulamadan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas).

Asrit menyasarkan usaha mengumpul \$500,000 menjelang akhir tahun ini.

Sejauh ini, lebih \$420,000 telah dikumpulkan dengan kerjasama pelbagai badan lain, termasuk RLAF.